RM7 juta hingga RM8 juta setahun bagi menampung kekurangan kos kerja-kerja penyelenggaraan.

"Peruntukan ini khusus bagi penyelenggaraan perkhidmatan lif, pendawaian elektrik, paip pembetungan dan bumbung," katanya.

Dalam pada itu, Dzulkefly turut menyambut balik inisiatif kerajaan menurunkan harga lantai pemilikan rumah warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000.

"Kerajaan Pusat bersetuju menurunkan harga lantai pemilikan warga asing dari RM1 juta kepada RM600,000 bagi hartanah kediaman pangsapuri dan kondominium untuk mengurangkan lambakan pangsapuri dan kondominium yang dianggarkan berjumlah RM8.3 bilion.

"Johor merupakan negeri paling tinggi memiliki hartanah tidak terjual di Malaysia. PTG (Pejabat Tanah dan Galian Johor) sedang mengadakan bengkel yang melibatkan pelbagai agensi sebelum mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri tentang kajian harga lantai pemilikan asing ini," katanya.